

---

## Kajian terperinci cabar fakta sejarah

SETELAH isu masalah ekonomi orang Melayu dan penggiliran Ketua Menteri dikemukakan, orang Melayu di bahagian pulau di negeri ini kini dihadapkan dengan isu siapakah pembuka Pulau Pinang sebenarnya. Isu ini agak menarik untuk dikaji dan diteliti kerana ia akan membawa kepada suatu pembetulan dalam sejarah Malaysia mengenai peneroka awal Pulau Pinang yang sudah dapat dipastikan bukannya Francis Light. Walaupun ia memerlukan kajian mendalam, tetapi hakikatnya semasa Francis Light menelusuri masuk melalui jalan laut melewati pantai Tanjung Tokong, memang sudah wujud penempatan orang Melayu di bahagian pulau ini termasuk di Batu Uban juga. Isu ini mulanya ditonjolkan oleh seorang pengkaji sejarah Pulau Pinang, Muhamad Salleh Yahya sejak beberapa tahun lalu. Timbulnya semula isu ini bertujuan melahirkan kesedaran di kalangan warga Pulau Pinang bahkan seluruh rakyat Malaysia untuk mengetahui suatu hakikat bahawa memang sudah terdapat peneroka Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light pada tahun 1786. Selama ini memang terdapat pandangan-pandangan mengenai pembuka awal Pulau Pinang tetapi masih dianggap enteng atau sekadar di pinggiran. Pensyarah Fakulti Komunikasi, Universiti Teknologi Mara, Prof Madya Dr. Ahmad Murad Merican melalui kajiannya menunjukkan bahawa Datuk Jannaton bersama-sama sekumpulan 180 orang pengikutnya telah datang ke Pulau Pinang pada 1749. Manakala pensyarah sejarah kanan dari Universiti Sains Malaysia, Dr. Mahani Musa juga mengatakan Datuk Keramat telah membuka Pulau Pinang pada 1705. Kedua-dua kenyataan itu sudah cukup untuk membuktikan bahawa terdapat sekumpulan orang Melayu datang ke Pulau Pinang dari Sumatera yang telah memugar tanah, meneroka dan membuka pulau ini. Hakikat inilah bahagian sejarah yang harus dikaji dengan lebih tersusun dan didalami untuk memperbetulkan hakikat sejarah bahawa akhirnya Francis Light bukanlah pembuka Pulau Pinang. Budaya orang-orang zaman dahulu (atau di negara Dunia Ketiga) memang tidak suka mendabik dada mendakwa mereka yang melakukan segala-galanya. Sikap individualistik tidak kelihatan ketara kepada mereka. Mereka lebih suka bekerja dan bergerak dalam kumpulan dan tidak terlalu menonjolkan diri. Ini adalah sebahagian daripada proses mentafsirkan semula sejarah atau disebut revisionist history. Sebagai rakyat Malaysia kita sekarang haruslah menafsir dan melihat sejarah daripada perspektif kita dan bukan lagi daripada Inggeris atau sesiapa pun. Sejarah negara ini haruslah dilihat dari sudut pandangan Melayu, Cina, India, Kadazan, Bajau, Murut, Iban dan pelbagai kaum di negara ini. Malah kita harus mempunyai subjek tentang sejarah Orang Asli dalam buku teks kita termasuklah sejarah budaya dan kehidupan mereka terutamanya di Semenanjung yang begitu kurang sekali maklumat dan pengkajian mengenainya. Dalam isu pembuka Pulau Pinang, ia bukannya suatu polemik tentang siapa peneroka awal Pulau Pinang tetapi keperluan untuk membuktikan bahawa memang terdapat perkampungan dan penempatan orang Melayu di pulau ini sebelum kedatangan si penjajah dan lanun Francis Light itu. Inilah objektif kajian dan penumpuan sejarah awal Pulau Pinang kerana ia bukanlah suatu kerja yang sia-sia dan membuang masa. Ini kerana sesetengah akan beranggapan masalah Melayu Pulau Pinang pun belum selesai timbul pula isu kajian ke atas sejarah pembuka awal Pulau Pinang. Ini bukanlah kerja senang, ketelitian memang diperlukan kerana ia akan menimbulkan kesan dan banyak implikasinya pula. Adalah penting penglibatan semua pihak terutamanya pihak kerajaan, pakar sejarah, pertubuhan bukan kerajaan yang aktif menjalankan kajian mengenai sejarah awal Pulau Pinang, pihak muzium dan mereka yang berkaitan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri Warisan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Wong Kam Hong supaya mengadakan suatu kolokium bagi mengesahkan semula sejarah pembukaan pulau tersebut. Tetapi terdapat sedikit nada kesal dengan kenyataan beliau bahawa dalam buku sejarah Christopher Columbus dikatakan sebagai pengasas Amerika tetapi sebelum kedatangannya memang diketahui kawasan penempatan sudah wujud di sana tetapi Columbus masih dianggap sebagai pengasas Amerika. Apakah maksud sebenar kenyataan sebegini daripada seorang timbalan menteri sebuah kementerian yang mengutamakan sejarah dan warisan negara? Adakah beliau bermaksud ingin terus mengekalkan Francis Light sebagai pembuka Pulau Pinang walaupun terdapat bukti-bukti dan nama-nama mereka yang terlebih dahulu membuka bahagian pulau ini. Adakah kita masih terus mahu ingin mengekalkan sikap dan mentaliti penjajah walaupun kita sudah mendekati 50 tahun mencapai kemerdekaan. Kementerian harus lebih peka mengenai perkara ini. Seolah-olah seperti mempertahankan Francis Light, Kam Hong telah mencabar sejarawan tempatan membuktikan dengan fakta-fakta dan dokumen-dokumen sokongan supaya Arkib Negara dapat melihatnya. Adalah diharapkan suatu bentuk persidangan meja bulat atau kolokium dapat dilakukan dengan segera. Ini mungkin merupakan perintis untuk memulakan banyak lagi kajian menafsirkan semula sejarah Malaysia bagi menemukan perspektif yang betul mengenai negara ini -ISMAIL HASHIM, Utusan Malaysia